

# Bersihkan RAM

## Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**

sembangict@yahoo.com

**B**agaimanakah cara untuk membersihkan memori RAM (*Random Access Memory*)?

- **Din, Johor Bharu.**

Memori RAM merupakan satu sumber pengkomputeran yang penting kerana RAM akan menyediakan tempat sementara bagi apa sahaja proses atau kerja yang akan dilaksanakan oleh sesebuah komputer.

Sekiranya RAM ini bermasalah, perjalanan sesebuah komputer juga akan bermasalah. Antara gejala masalah yang timbul dalam komputer disebabkan memori bermasalah adalah seperti berikut.

**1** Komputer akan sering berlaku masalah tergantung atau *hang*.

**2** Komputer akan menjadi ketika menjalankan sesebuah program. Timbulnya skrin berwarna biru dalam sistem Windows.

**3** Komputer akan sentiasa but kembali atau *restart* berulang kali.

**4** Komputer tidak berupaya untuk but masuk ke dalam sistem pengoperasian.

### CARA BERSIHKAN MEMORI RAM

RAM yang bermasalah dan berkemungkinan mengundang simptom-simptom masalah kepada komputer seperti dinyatakan berkemungkinan juga tidak rosak secara fizikal.

Memori bermasalah itu berkemungkinan tidak dapat berhubung dengan baik dengan papan utama menerusi sambungan dalam slotnya.

Sambungan yang tidak baik antara RAM dengan papan utama terjadi sekiranya RAM itu tidak rosak secara fizikal adalah kerana masukkannya tidak betul atau kaki sambungannya yang berwarna keemasan itu kotor.

Jadi, cara mudah untuk membersihkan kotoran yang terdapat pada kaki sambungan berwarna keemasan atau pin bagi RAM adalah dengan menggunakan pemadam pensel yang lembut. Gosok dengan perlahan-lahan sehingga tertanggal kotoran tersebut daripada permukaan pinnya.

Pastikan tidak digunakan pemadam pen kerana pemadam pen agak kasar sedikit dan dikhuatiri akan merosakkan permukaan pin yang berwarna keemasan tersebut.

Selain itu, kaedah terbaik mencuci kaki pin RAM adalah menggunakan cecair khas seperti cecair 90 peratus *isopropyl alcohol* yang dikhususkan untuk pembersihan kaki pin bagi mana-mana komponen komputer seperti kad rangkaian, kad grafik dan lain-lain termasuk RAM dengan menggunakan putik kapas yang lembut.

Awas, sebelum mencuci memori RAM, pastikan diketahui cara betul dan selamat untuk menanggalkan dan memasukkan memori RAM pada papan utama termasuk membuka dan memasang semula set komputer tersebut.

